



BUDAYA MEMBACA REMAJA



Oleh Sham. A Kadir

Menurut laman web worldaltas.com, terdapat 10 buah negara yang paling banyak membaca di dunia pada tahun 2019. Negara tersebut ialah India dengan lebih 10 jam, iaitu 42 minit diperuntukkan untuk membaca dalam tempoh seminggu. Kedudukan tersebut diikuti pula oleh Thailand (sembilan jam), China (lapan jam), Filipina (tujuh jam, 36 minit), Egypt (tujuh jam, 30 minit), Czech Republic (tujuh jam, 24 minit), Sweden (tujuh jam, enam minit), France (enam jam, 54 minit), Hungary (enam jam, 48 minit) dan Arab Saudi (enam jam, 48 minit).

Walaupun bagaimanapun, Indeks Skor Kebudayaan Sedunia yang bertanggungjawab menjalankan kajian tersebut tidak menyatakan jenis bahan bacaan yang dibaca. Maka itu, dirumuskan kajian tersebut merangkumi apa-apa sahaja bahan bacaan daripada berita dalam talian, e-mel, majalah atau buku yang bercetak.

Mencapai kedudukan teratas, India membuktikan bahawa wujudnya kesedaran dalam kalangan rakyat di negara tersebut yang sebelumnya mempunyai kadar celik huruf yang paling rendah daripada purata global (hanya 74 peratus). Namun begitu, kadar ini meningkat lebih daripada enam kali sejak India mencapai kemerdekaannya pada tahun 1947.

Sementara itu, dalam kajian yang dilakukan oleh Persatuan Psikologi di Amerika Syarikat (AS), pada tahun 2018, mendapati bahawa kurang daripada 20 peratus remaja di AS menyatakan mereka membaca buku, majalah atau akhbar pada setiap hari. Sementara itu, lebih daripada 80 peratus membaca menerusi medium media sosial. Hal ini berbeza dari tahun 2010 apabila generasi muda lebih banyak menghabiskan masa dengan membaca buku, majalah dan menonton televisyen.



Tahun
2016
mencatatkan hanya
dua peratus remaja
membaca akhbar
pada setiap hari.

Menurut Pensyarah di Universiti Negeri San Diego, Jean M. Twenge, remaja

pada hari ini sudah tidak mempunyai masa untuk membaca buku, malah minat atau hobi tersebut juga semakin berkurangan dalam kehidupan mereka. Hal ini dikatakan berpunca daripada perubahan budaya kehidupan remaja secara total.

Keadaan ini tidak hanya berlaku di luar negara, malah di Malaysia. Kesedaran rakyat di negara ini terhadap amalan pembacaan bukan berada pada tahap yang membanggakan seperti yang berlaku di Jepun apabila mereka menerapkan budaya membaca walaupun di mana-mana sahaja mereka berada.

Minat remaja pada hari ini sudah beralih kepada bahan bacaan digital yang dikatakan lebih menyeronokkan. Selain itu, wujud stigma yang menyatakan bahawa untuk apakah mengamalkan budaya membaca walhal banyak masa membaca

telah dihabiskan di sekolah? Lebih teruk daripada itu, ada remaja yang percaya bahawa membaca hanya untuk lulus peperiksaan sahaja dan sebaik-baik tamat sekolah, membaca bukan lagi amalan atau kewajipan yang perlu diteruskan.

Selain itu, wujud juga andaian yang mengaitkan “ulat buku” sebagai kelompok remaja yang ketinggalan zaman berbanding dengan remaja yang menggunakan alatan elektronik untuk mendapatkan maklumat yang lebih cepat dan santai – tanpa perlu bersusah payah mengunjungi perpustakaan atau kedai buku.

Oleh itu, penurunan budaya membaca dalam kalangan remaja amat ketara. Pada awal tahun 1990-an, sebanyak 33 peratus daripada remaja membaca akhbar pada setiap hari. Namun begitu, jumlah tersebut jauh berkurangan menjelang tahun 2016 yang mencatatkan hanya dua peratus remaja membaca akhbar pada setiap hari. Sementara itu, pada akhir tahun 1970-an, sebanyak 60 peratus daripada remaja yang merupakan pelajar membaca buku atau majalah hampir pada setiap hari. Namun begitu, pada tahun 2016, hanya 16 peratus sahaja golongan remaja yang masih setia membaca buku.

Berdasarkan Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 2014 oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), didapati bahan bacaan pilihan rakyat Malaysia ialah majalah, iaitu sebanyak 62.8 peratus; akhbar (61.2 peratus); buku ilmiah (54.8 peratus); novel dan fiksiyen (47 peratus); bahan dalam talian (46.4 peratus); buku bukan fiksiyen (29.9 peratus); komik (25.3 peratus) dan jurnal (19.9 peratus). Daripada kajian tersebut, PNM juga mendapati bahawa rakyat di negara ini secara keseluruhannya membaca sebanyak 15 naskhah buku setahun yang bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan, mengisi masa lapang dan sebagai bahan hiburan bagi mendapatkan motivasi serta untuk tujuan pendidikan.

Statistik yang dijalankan berdasarkan kadar purata membaca golongan remaja pada peringkat persekolahan pula mendapati bahawa golongan ini membaca dengan purata 12 buah buku setahun. Walau bagaimanapun, selepas tamat pengajian atau selepas berusia 21 tahun, purata membaca jatuh kepada lapan buah buku setahun. Jumlah ini jauh ketinggalan berbanding dengan remaja di Australia yang membaca 180 buah buku setahun, Indonesia (94 buah buku), India (130 buah buku), Thailand (56 buah buku) dan Brunei (26 buah buku).

Keadaan ini sudah semestinya agak membimbangkan, apatah lagi remaja merupakan generasi muda yang bakal mengemudi negara ini. Oleh itu, amatlah penting untuk remaja mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang tidak lain, diperoleh daripada pembacaan.

Kerajaan sememangnya memandang serius hal ini. Oleh sebab itu, kerajaan memperuntukkan baucar buku kepada para pelajar di universiti awam (UA) dan universiti swasta (US) yang bertujuan untuk memastikan generasi di pusat pengajian tinggi berupaya untuk memperoleh bahan bacaan yang bermutu. Kerajaan dan pihak swasta juga memperkenalkan banyak potongan harga kepada kelompok ini untuk membeli buku dengan diskaun yang mencecah 50 peratus kepada pembeli yang berstatus pelajar atau mahasiswa.

Tidak cukup dengan itu, pada setiap tahun, kerajaan turut menyokong penuh penganjuran pelbagai kempen membaca, pameran buku, Big Bad Wolf dan yang terbesar dan dinanti-nantikan pada setiap tahun tentulah Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur. Di sinilah ulat buku berhimpun untuk mendapatkan koleksi buku yang terkini dengan harga yang luar biasa murah daripada biasa. Komitmen kerajaan ini sedikit banyak membantu industri buku di Malaysia terus berkembang rancak.

Semua usaha yang dilakukan oleh kerajaan, swasta, persatuan atau badan bukan kerajaan (NGO) dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan remaja adalah bertujuan untuk membentuk generasi muda negara yang berilmu, berdaya saing, disegani dan mampu bersaing pada masa hadapan. Membaca tidak hanya memberikan “nikmat” kehidupan pada hari ini tetapi pada masa akan datang dan dengan membacalah akan membezakan seorang remaja itu dengan remaja yang lain (yang tidak membaca). Hal ini dikatakan demikian kerana bangsa yang berjaya ialah bangsa yang membaca!

Kehebatan Membaca

1 Simulasi Mental

Membaca dapat menjaga otak untuk terus kekal aktif. Sama seperti anggota lain dalam tubuh badan manusia, otak juga memerlukan senaman supaya kekal kuat dan sihat. Oleh itu, senaman otak yang paling berkesan ialah membaca. Tidak hairanlah jika ahli perniagaan AS dan pengasas Microsoft Corporation, William Henry Gates atau lebih dikenal sebagai Bill Gates membaca 50 buah buku setahun!

2 Mengurangkan Tekanan
Menurut kajian, dengan membaca novel akan dapat mengurangkan masalah peribadi, masalah di tempat kerja, atau masalah lain yang sedang dihadapi. Dipercayai bahawa novel yang ditulis dengan baik dapat membawa pembacanya ke alam lain, manakala artikel yang menarik akan mengalihkan perhatian seseorang untuk tidak memikirkan masalah yang sedang dihadapi.


3 Ilmu Pengetahuan
Semua yang anda baca akan tersimpan dalam otak. Dengan adanya maklumat baharu, pada bila-bila masa, tanpa disedari anda boleh menggunakannya dalam pekerjaan, pengajaran, pembelajaran, perbualan atau ketika menjawab soalan. Semakin banyak pengetahuan yang dimiliki, anda akan menjadi lebih baik daripada orang lain.

4 Menambahkan Perbendaharaan Kata
Semakin banyak anda membaca, semakin banyak perkataan yang diperoleh. Percayalah, karangan atau esei anda akan lebih cemerlang berbanding dengan mereka yang malas membaca!

5 Menguatkan Daya Ingatan
Apabila membaca buku, anda perlu mengingat pelbagai watak, latar belakang, cita-cita dan sejarah, serta pelbagai plot cerita. Hal ini akan melatih daya ingatan untuk lebih kuat mengingat apa-apa yang anda baca.

6 Kemahiran Berfikir Analitik yang Lebih Kukuh
Pernahkah anda membaca novel misteri yang menakutkan dan menyelesaikan misteri itu sendiri sebelum menamatkan pembacaan? Jika ya, anda dapat meletakkan pemikiran kritikal dan analitik untuk berfungsi dengan mengambil perhatian terhadap perincian bahan bacaan yang dibaca. Sekiranya mempunyai peluang untuk membincangkan buku yang dibaca dengan orang lain, anda akan dapat menyatakan pendapat anda dengan jelas dan mendalam.

7 Kemahiran Menulis yang Lebih Baik
Hal ini bergerak seiring dengan perkembangan perbendaharaan kata anda yang akan mempengaruhi penulisan anda yang lebih pelbagai. ds



Pembudayaan Tabiat Membaca.